

NAFAS, ANGKASA tanam jagung bijirin skala besar

Usaha kurangkan kebergantungan bekalan makanan import untuk ternakan ayam

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) akan mengusahakan tanaman jagung bijirin berskala besar dalam usaha mengurangkan kebergantungan bekalan makanan import khususnya kepada ternakan ayam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata NAFAS turut menyasarkan untuk menguasai 20 peratus pasaran dengan pengeluaran sebanyak 144 juta ekor ayam setahun, se-

mentara 30 juta ayam dibekalkan ANGKASA.

Beliau berkata, inisiatif menerusi kerjasama awam dan swasta ini, berupaya meningkatkan hasil pertanian khususnya industri ternakan ayam, selain diyakini mengurangkan kebergantungan negara terhadap bekalan jagung bijirin import bagi kegunaan makanan ternakan itu.

"NAFAS dan ANGKASA akan terbabit dalam ekosistem industri ayam bermula daripada anak ayam, makanan ternakan, vak-

sin, reban, pusat pemrosesan, bilik sejuk beku, logistik, pusat pengedaran dan pemasaran sehingga bekalan sampai kepada pengguna.

"NAFAS dan ANGKASA juga akan lebih proaktif dalam industri penanaman jagung bijirin, bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap import bahan mentah untuk makanan ayam," katanya dalam kenyataan, semalam.

Terdahulu, pagi semalam, beliau memaklumkan bertemu Ah-

li Jemaah Pengarah NAFAS dan Ahli Lembaga ANGKASA, bagi membincangkan mengenai langkah menjamin sekuriti makanan negara.

"Kerajaan menyambut baik inisiatif NAFAS dan ANGKASA untuk terbabit secara signifikan dalam industri ternakan ayam," katanya.

Bagi mencapai hasrat itu, Ismail Sabri berkata, NAFAS sudah mengenal pasti kawasan seluas 12,140 hektar di Kelantan dan Terengganu yang sebelum ini ditanam tembakau untuk tanaman jagung bijirin.

"ANGKASA pula sudah mengenal pasti kawasan seluas 4,000 hektar di seluruh negara dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Setiap hektar mampu mengeluarkan lima tan jagung bijirin dan menampung sebanyak 20 peratus daripada keperluan import jagung bijirin dalam tempoh lima tahun ini," katanya.

Beliau yakin, NAFAS dan ANGKASA berupaya membantu

NAFAS dan ANGKASA akan terbabit dalam ekosistem industri ayam bermula daripada anak ayam, makanan ternakan, vaksin, reban, pusat pemrosesan, bilik sejuk beku, logistik, pusat pengedaran dan pemasaran sehingga bekalan sampai kepada pengguna

Ismail Sabri
Yaakob,
Perdana Menteri



kerajaan menangani masalah kenaikan harga ayam dan bekalan makanannya, sekali gus menjamin bekalan serta harganya di pasaran.

"NAFAS mempunyai sejuta ahli, manakala tujuh juta ahli berbilang di bawah ANGKASA melalui 14,835 koperasi.

"ANGKASA juga diminta menerajui sektor koperasi dalam menangani kenaikan kos sara hidup," katanya.



Kawasan seluas 12,140 hektar di Kelantan dan Terengganu dikenal pasti untuk tanaman jagung berskala besar.

(Foto hiasan)

RH- 15/6/2022 m/s: 3